

05/07/1998

Penghuni pangsapuri guna pencucian pintar

KUALA LUMPUR: Penghuni rumah pangsa, pangsapuri dan kondominium dilarang menyidai pakaian di luar tingkap dan balkoni apabila satu undang-undang mengenainya digubal dan dikuatkuasakan nanti.

Mereka dikehendaki menggunakan kaedah pencucian dan pengeringan pakaian berkonsepkan pencucian pintar (smart wash) menggunakan kad seperti kad telefon.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed berkata peraturan itu diperkenalkan berikutan teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas terlihat pakaian disidai di luar tingkap rumah pangsa ketika melawat Pulau Pinang tahun lepas.

Peraturan baru itu bertujuan mengubah tabiat penduduk rumah pangsa yang menjolok mata seperti menyidai pakaian dan sebaliknya ingin menonjolkan imej kemas dan bersih sejajar dengan pembangunan negara, katanya ketika merasmikan sebuah pusat mencuci pakaian di Flet Pekeliling di sini semalam.

Bagaimanapun, katanya peraturan itu akan hanya dikuatkuasakan apabila syarikat yang dilantik untuk menyediakan kemudahan pencucian pintar itu, Jurumuda Sdn Bhd, mempunyai keupayaan sepenuhnya untuk mengendalikannya di semua taman perumahan rumah pangsa.

Menurutnya, anak syarikat Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) itu juga akan mengendalikan perkhidmatan seumpama itu di taman perumahan rumah pangsa di Bukit Beruntung awal tahun depan, taman perumahan di Sungai Buloh pertengahan tahun depan dan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak akhir tahun depan.

Mustapa berkata syarikat itu membelanjakan RM6 juta bagi menyediakan perkhidmatan di semua tempat itu termasuk RM2 juta bagi pusat pencucian di Flet Pekeliling yang membekalkan 132 mesin mencuci dan 44 mesin pengeringan.

(END)